



Kerajaan Sabah buka pejabat perhubungan di Kuala Lumpur

Oleh Izwan Abdullah - Februari 24, 2023 @ 9:12am
bhnews@bh.com.my

KOTA KINABALU: Kerajaan Sabah membuka pejabat perhubungannya di Kuala Lumpur sebagai satu usaha meningkatkan tadbir urus berkaitan hal ehwal kerajaan negeri dan persekutuan serta rakyat negeri ini di Semenanjung.

Ketua Menteri, Datuk Seri Hajiji Noor, berkata agensi itu yang dinamakan Pejabat Perhubungan Negeri Sabah (PPNS) berfungsi seperti sebuah kedutaan bagi rakyat negeri ini yang bekerja atau tinggal di Semenanjung.

Katanya, pejabat itu yang terletak di 3 Towers, Jalan Ampang, Kuala Lumpur juga berfungsi sebagai perantara dalam aspek pentadbiran di antara Kerajaan Persekutuan dan negeri.

"PPNS Kuala Lumpur ini adalah sebuah agensi kerajaan negeri di bawah Jabatan Ketua Menteri Sabah yang turut berfungsi sebagai perantara kerajaan negeri Sabah berkaitan hal ehwal pentadbiran dengan kerajaan persekutuan.

"Landscape pentadbiran kerajaan negeri sudah berubah, oleh itu wujud keperluan interaksi di antara kerajaan seperti berkaitan isu migrasi, pelancongan, pelaburan dan hal ehwal diplomatik yang memerlukan kerajaan negeri mewujudkan pejabat ini," katanya dalam satu kenyataan sempena pelancaran pejabat baharu itu di Kuala Lumpur, semalam.

Hajiji berkata, dengan adanya PPNS Kuala Lumpur, kerajaan negeri dapat melaksanakan polisi pentadbiran dengan lebih teratur dan sistematik seperti polisi mesra pelabur bagi menjayakan usaha kerajaan negeri menarik kemasukan pelaburan ke Sabah.

"Saya mahu PPNS Kuala Lumpur memastikan pendekatan mesra pelabur yang kita laksanakan berjaya.

"Dalam perkara ini, saya mahu pejabat ini menguatkan lagi peranannya sebagai penghubung di antara Sabah dan kerajaan persekutuan selain dengan kedutaan asing dan syarikat swasta di Semenanjung," katanya.

Pada masa yang sama, katanya PPNS Kuala Lumpur juga perlu memaksimumkan kecekapan pengurusan tadbir urus yang menjadi faktor penting menarik pelabur datang ke Sabah.

Selain itu, beliau berkata pejabat itu juga berfungsi sebagai pusat informasi berkaitan pelancongan, budaya dan pelaburan.